



01 SEP, 2020

Dua pasar segar terkawal dibuka esok

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2

22,360 penduduk Ambangan Heights lega dapat beli barang basah

Dua pasar segar terkawal dibuka esok

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

SUNGAI PETANI — Keresahan 22,360 penduduk di tiga zon di Ambangan Heights, Amanjaya di sini yang semakin kehabisan barang basah bakal berakhir apabila dua Pasar Segar Terkawal (PST) akan dibuka di dua lokasi di perumahan tersebut mulai esok.

Kesemua penduduk di Zon Kenanga, Mawar dan Melor kini menjalani perintah kuarantin di rumah di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Secara Pentadbiran susulan pandemik Covid-19 bagi Kluster Tawar.

Pegawai Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Daerah Kuala Muda, Mohd. Fauzi



KERATAN Kosmo! semalam.

Hashim berkata, dua pasar berkenaan membabitkan 20 peniaga yang akan dibuka di Zon Mawar pada setiap Rabu dan Sabtu, manakala di Zon Kenanga pula pada Selasa dan Jumaat dari pukul 8 pagi hingga 11.30 pagi.

"PST di Zon Mawar akan dibuka di Surau An Nur, manakala lokasi bagi Zon Kenanga masih dalam penelitian pihak kami dan wakil penduduk," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Menurutnya, pasar tani itu

akan menjual pelbagai barang runcit dan barang basah termasuk ayam, ikan segar, sayur-sayuran serta buah-buahan yang mana bekalan dijangka mencukupi untuk kegunaan penduduk terlibat.

Katanya, pelaksanaan pasar segar itu akan dilakukan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan termasuk penjarakan fizikal, pemakaian pelitup muka dan pemeriksaan suhu badan.

"Hanya ketua keluarga dibenarkan membeli barang keperluan di pasar tani ini," ujarnya.

Sementara itu, rata-rata penduduk yang ditemui meluahkan rasa syukur dengan pembukaan dua pasar segar esok dan me-

nyifatkan ia langkah tepat bagi membantu mereka mendapatkan bekalan barang basah.

Seorang penduduk, Zarina Chik, 51, berkata, selepas ini penduduk tidak perlu meminta bantuan keluarga dan rakan-rakan di luar untuk membeli serta menghantar barang basah di sini.

Pekerja swasta, Aziz Amoh, 53, bersyukur kerana masalah untuk mendapatkan bekalan barang harian dapat diselesaikan.

"Memang sukar untuk dapatkan barang keperluan, lebih-lebih lagi penilaunya yang tinggal di luar kawasan ini tidak dibenarkan masuk.

"Pembukaan ini dapat menghilangkan tekanan selepas kami dikemaskini arahan kuarantin di rumah," katanya.



01 SEP, 2020

Dua pasar segar terkawal dibuka esok

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

22,360 penduduk Ambangan Heights lega dapat beli barang basah

SUNGAI PETANI - Keresahan 22,360 penduduk di tiga zon di Ambangan Heights, Amanjaya di sini yang semakin kehabisan barang basah bakal berakhir apabila dua Pasar Segar Terkawal (PST) akan dibuka di dua lokasi di perumahan tersebut mulai esok.